

26 NOV 1998

JADUAL YANG SIBUK UNTUK PM DI SABAH ESOK DAN LUSA

KOTA KINABALU, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempunyai jadual ketat dalam lawatan kerja ke Sabah selama dua hari mulai esok.

Mengikut kenyataan Jabatan Penerangan Negeri hari ini, sebaik tiba bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kira-kira pukul 10.30 pagi, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota Kabinet negeri sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri.

Sejurus selepas jamuan tengah hari, beliau akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua agama di Sabah sebelum melancarkan majlis Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Kompleks Sukan Likas dan kemudian menghadiri jamuan pemimpin bersama rakyat pada sebelah malam.

Pada hari Sabtu, beliau akan mengadakan pertemuan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Sabah.

Beliau dijangka pulang ke ibu negara pada sebelah petang.

-- BERNAMA

JS NMO PR